



Laksanakan cukai eksais pada cecair vape bernikotin untuk tingkatkan hasil kutipan cukai negara

KUALA LUMPUR, 24 Jun 2021 – Persatuan vape tempatan menggesa kerajaan untuk segera melaksanakan cukai eksais ke atas produk cecair vape bernikotin untuk memaksimumkan hasil kutipan cukai daripada industri vape.

Kenyataan ini adalah ekoran laporan yang memetik Jabatan Kastam menyatakan bahawa kutipan eksais untuk cecair vape berjumlah kurang daripada RM100,000 pada suku pertama tahun ini dan jauh lebih rendah daripada hasil duti eksais RM300 juta yang dianggarkan industri.

Sebelum ini Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) telah menganggarkan bahawa kerajaan mampu mengutip hasil cukai berjumlah RM300 juta sekiranya duti eksais yang dilaksanakan pada industri vape mencakupi produk cecair vape bernikotin.

Buat masa ini, kerajaan hanya mengenakan cukai eksais 10 peratus ke atas peranti dan 40 sen ke atas setiap mililiter cecair vape tanpa nikotin yang dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2021.

“Kita sudah pun berada pada suku kedua tahun 2021 dan jika hanya RM100,000 yang dikutip pada suku pertama tahun ini, maka ini menunjukkan struktur cukai ke atas produk vape pada masa ini tidak efektif kerana ia tidak mencakupi produk yang terjual dalam pasaran. Kerajaan harus mengambil kira cadangan kami untuk melaksanakan cukai eksais pada cecair vape bernikotin bagi memaksimumkan jumlah kutipan hasil cukai daripada industri vape.

“Jika cukai eksais dilaksanakan pada cecair vape bernikotin, kerajaan akan peroleh pendapatan yang berlipat kali ganda bagi membantu menyuntik ekonomi negara di waktu sukar di kala pandemik ini,” kata **Ketua Penerangan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Ashraf Rozali**.

Menurut laporan dari Kementerian Kesihatan Malaysia, dianggarkan terdapat kira-kira 1.12 juta pengguna vape di Malaysia.

Kata Ashraf, hasil kutipan cukai yang rendah adalah kerana duti eksais yang dilaksanakan hanya termaktub kepada cecair vape tanpa nikotin iaitu hanya 3% daripada keseluruhan produk yang berada di pasaran. Manakala, 97% lagi adalah cecair vape bernikotin yang kini tidak dikawal selia dan tidak berbayar cukai.

Menurut **Presiden Malaysian Vape Industri Advocacy (MVIA), Rizani Zakaria**, industri sedia bekerjasama dengan kerajaan untuk bersama-sama memberi input dan turut serta dalam sebarang perbincangan bagi mengubal satu rang undang-undang baru berkaitan produk cecair vape bernikotin.

“Kami sebagai pemain industri sentiasa menyokong kerajaan untuk melaksanakan cukai terhadap cecair vape bernikotin. Jika kerajaan memutuskan untuk melaksanakan duti eksais ini, kerajaan akan dapat mengutip lebih banyak hasil cukai daripada industri vape.”



“Di waktu yang sukar ini, ramai yang berdepan dengan pelbagai masalah terutamanya dari segi ekonomi dan peluang pekerjaan. Saya percaya industri ini boleh menjadi salah satu sektor untuk membantu memulihkan ekonomi negara dengan memberikan hasil yang tinggi kepada kerajaan dan menyediakan peluang pekerjaan. Oleh itu, saya berharap kerajaan mengambil kira peluang dalam industri sedia ada. Perhalusi cadangan industri dan laksanakannya,” kata **Rizani** lagi.

Tambahnya, walaupun industri vape tidak begitu mendapat perhatian khusus dari kerajaan, namun hakikatnya industri ini telah dinilai berjumlah RM2.27 bilion dan mampu membawa pendapatan kepada negara dari segi cukai jika ia dilaksanakan dengan sempurna.

Pemain industri vape juga berpendapat bahawa pelaksanaan cukai eksais pada cecair vape bernikotin dan juga kawal selia terhadap industri ini mampu merubah ekosistem industri secara keseluruhan yang memberi manfaat kepada semua.

“Walaupun tanpa kawal selia daripada kerajaan industri ini telah berjaya berkembang dengan cepatnya. Cuba bayangkan jika kerajaan benar-benar menumpukan perhatian dan mengawal selia, kami yakin industri vape tempatan akan menjadi antara penyumbang utama dalam ekonomi negara,” tambah **Rizani** lagi.

-end-

Mengenai Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)

MVIA ialah sebuah kumpulan kepentingan khusus yang tidak berlandaskan keuntungan dalam menyokong usahawan dan perniagaan vape Malaysia. Matlamatnya ialah untuk mewakili industri vape dengan menyampaikan suara industri kepada badan kerajaan, pihak berkuasa kawal selia, agensi penguatkuasaan dan pihak berkepentingan yang lain.

Mengenai Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM)

Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), yang ditubuhkan pada 2015, ialah satu-satunya persatuan berkaitan vape yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri. Keutamaan kami adalah untuk menjadikan industri vape di Malaysia lebih berdaya saing dan tersusun secara keseluruhan. Dengan bantuan ahli-ahli yang penuh berdedikasi, kami telah menganjurkan kempen kesedaran, aktiviti hubungan kemasyarakatan, latihan terperinci dan sesi libat urus dengan agensi-agensi Kerajaan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di <https://vapemalaysia.org/> atau laman Facebook kami di <https://www.facebook.com/DewanPerniagaanVapeMalaysia>.